

Pemuda yakin tindakan pimpinan

KUALA LUMPUR, Khamis — Pergerakan Pemuda Umno Malaysia menyerahkan isu pindaan perlembagaan negara kepada kebijaksanaan pucuk pimpinan untuk diselesaikan, kata ketuanya, Encik Anwar Ibrahim.

Bellau yang juga Menteri Kebudayaan, Beliau dan Sukan berkata, beliau menerima laporan rasmi tentang keputusan pertemuan antara wakil-wakil Majlis Tertinggi Umno dengan raja-raja Ahad lalu.

"Pergerakan tetap tidak akan berganjak dari keputusannya menyokong pindaan itu," tegasnya.

Menggugat

Kata Encik Anwar walaupun banyak desas-desus daripada beberapa golongan yang cuba menggugat keputusan pindaan itu, pergerakan Pemuda Umno akan terus menyokongnya.

Bellau menambah, pindaan itu perlu kerana ia sesuai dengan perkembangan dan kematangan negara ini.

Encik Anwar menyatakan demikian selepas menerima kunjungan 34 ahli Kesatuan Demokratik Pemuda Kristian Jerman Barat di pejabatnya, di sini.

Rombongan itu tiba di ibu negara semalam dalam kerana lawatan sambil belajar selama empat hari ke Malaysia

untuk merapatkan hubungan antara Kesatuan dengan Pergerakan Pemuda Umno.

Encik Anwar memberi taklimat tentang organisasi dan kegiatan Pergerakan Pemuda kepada pelawat-pelawat itu.

Ketua rombongan, Encik Karl Heinz Wahn berkata, pihaknya sangat tertarik dengan kegiatan pergerakan pemuda dan beliau di negara ini, khususnya penyertaan golongan muda dalam pentadbiran negara.

Esok, rombongan kesatuan yang mempunyai 300,000 ahli di Jerman Barat itu akan melawat Wisma Putra dan mendengar taklimat mengenai dasar luar negara dari Timbalan Menteri Luar, Encik Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia